**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 1/5 |
| KELUARAN : | PINDAAN : | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang | Penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang yang mana penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya serta boleh dijadikan contoh dan ikutan. | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2/2002 |
| | | **Takrifan** | |
| | | **Gred**<br>Gred gaji yang ditetapkan di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976), Sistem Saraan Baru (SSB), dan Sistem Saraan Malaysia (SSM). | Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 |
| | | **Pegawai**<br>Seseorang pegawai tetap/sementara di dalam Perkhidmatan Awam termasuk anggota dalam Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia | Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 2/5 |
| KELUARAN : | PINDAAN : | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Pemberian Anugerah Perkhid matan Cemerlang | 1.0 Pastikan Tuntutan Bayaran Elaun Gangguan dan dokumen sokongan berikut disertakan : | |
| | | **1.1** Keputusan Panel Penilaian Sumber Manusia (PPSM) | Lampiran A |
| | | **1.2** Senarai nama penerima APC | Lampiran B |
| | | **1.3** Kew.8 yang lengkap diisi | Lampiran C |
| | | **1.4** Surat arahan BSN ruj: BN/SL/UKBS/SSP KORP/2013 (01) bertarikh 8 April 2013 | Lampiran D |
| | | 2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :- | |
| | | 2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima; | |
| | | 2.2 B aki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi; | |
| | | 2.3 Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan. | |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 3/5 |
| KELUARAN : | PINDAAN : | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang | 3.0 Dasar dan Kaedah Pemberian APC<br><br>3.1 Bilangan penerima<br><br>Bilangan penerima APC bagi setiap agensi tidak boleh melebihi 8 peratus daripada jumlah anggota yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian berkenaan. Walau bagaimanapun had maksimum ini tidak semestinya dipenuhi jika jumlah anggota yang layak tidak mencukupi. Sekiranya pada tahun berkenaan tidak ada yang layak APC, maka agensi tidak perlu melaksanakan APC bagi tahun berkenaan.<br><br>3.2 Asas Penilaian<br>3.2.1 Pemilihan anggota yang layak adalah berpandukan kepada markah yang diperolehi dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan.<br><br>3.2.2 Anggota yang mendapat 85% ke atas dan bebas daripada tindakan tatatertib dalam tahun penilaian layak dipertimbangkan untuk menerima APC.<br><br>3.3 Insentif<br>3.3.1 Sijil Perkhidmatan Cemerlang<br>3.3.2 Sijil Simpanan Premium bernilai RM 1,000.00<br>3.3.3 Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima Pingat, Bintang dan Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri; dan<br>3.3.4 Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja. | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2/2002 |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 4/5 |
| KELUARAN : | PINDAAN : | TARIKH UBAHSUAI : |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang | 4.0 Pegawai yang layak<br><br>4.1 Semua Anggota Perkhidmatan Awam di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976), Sistem Saraan Baru (SSB), dan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dalam semua kumpulan, gred, dan kategori yang dilantik mana-mana pihak berkuasa sama ada tetap, kontrak atau sementara.<br><br>4.2 Telah berkhidmat genap setahun penuh pada hari terakhir tahun penilaian.<br><br>4.3 Anggota yang dianugerahkan perkhidmatan cemerlang akan membuat pertimbangan untuk APC akan diputuskan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM).<br><br>4.4 APC hendaklah dicatat dalam buku rekod perkhidmatan pegawai<br><br>**5.0 Kod Objek**<br><br>Kod Objek yang dipertanggungkan ialah 15113. | Perintah Am Bab B – Elaun-Elaun Dalam Perkhidmatan<br><br>Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Pekeliling<br><br>Perbendaharaan 1PP – PS 1.1 (Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan) Tahun 1988 |

**LAMPIRAN D**

Lampiran C

**BSN** بڠك سيمڤنن ناسيونل
**BANK SIMPANAN NASIONAL**

**Cawangan Negeri Selangor**
Lot 02-28 & 02-28,
Tingkat 2, Kompleks PKNS
40000 Shah Alam, Selangor
Tel : 03-55198333 Faks : 03-55108650

BN/SL/UKBS/SSP KORP / 2013 ( 01 )

8 April 2013

Pengarah
Jabatan Akuantan Negara Malaysia
PUTRAJAYA
( u.p : En Wan Mohd Aswad bin Wan Harun )

Tuan,

**BAYARAN PEMBELIAN SSP BAGI PENERIMA PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG & ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM.**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk serta mesyuarat dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Putrajaya bersama Encik Wan Mohd Aswad bin Wan Harun pada 5 April 2013 adalah dirujuk.

1. Dimaklumkan bahawa data pembayaran ke akaun BSN adalah seperti berikut :

| | |
|---|---|
| **Bayaran melalui IBG** | No akaun di Maybank : 564490101331 |
| **Email bagi e-maklum** | tunku_norasiah@bsn.com.my |

2. Bersama-sama ini juga pihak BSN ingin menyertakan pemakluman ringkas bagi Kempen SSP 2013

| JUMLAH PEMBELIAN SSP | INSENTIF PROMOSI SSP 2013 |
|---|---|
| Pembelian SSP boleh di tebus oleh Pelanggan di semua Cawangan BSN selepas 45 hari pembelian di buat. | • Bagi melayakkan semua pelanggan untuk berpeluang memenangi cabutan yang di buat pada setiap bulan. |
| SSP Special Edition bagi pembelian sebanyak RM 1,000.00 & SSP di bekukan selama 6 bulan. | • Pelanggan akan menerima kadar keuntungan indikatif sebanyak **2% setahun**. |
| SSP Special Edition bagi pembelian sebanyak RM 3,000.00 & SSP di bekukan selama 12 bulan. | • Pelanggan akan menerima kadar keuntungan indikatif sebanyak **2.42% setahun.** |
| Hadiah Perdana 2013 iaitu RM 1 JUTA SSP | • Pelanggan perlu tambah & kekalkan baki simpanan minimum RM 3,000.00 sebelum 25 Dec 2013 & simpanan di kekalkan sehingga akhir tahun 2013. |
| Pembelian SSP dengan nilai minimum RM 5,300.00 | • Pelanggan layak untuk memohon pembiayaan peribadi 95% dpd nilai SSP sebagai sandaran<br>• Sijil bernilai RM 5,300.00 masih layak untuk cabutan setiap bulan.<br>• Pelanggan masih layak menerima kadar keuntungan indikatif sebanyak 2.42% setahun. |

**BANK SIMPANAN NASIONAL**

3. Pihak Tuan / Puan juga boleh menghubungi Pengurus serta Ketua Zon yang telah dilantik bagi BSN Selangor bagi proses pembelian SSP bagi penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang & Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini iaitu :

| NAMA | JAWATAN | NO TELEFON. |
|---|---|---|
| Cik Nor Azrina Abdul Rauf | Ketua Operasi Negeri | 019-9110404 |
| En Azmi Mohd Noh | Ketua Jualan Negeri | 016-3338538 |
| En Khairul Nizam Che Amran | Pengurus Jualan Perancangan Kewangan & Deposit | 016-6900356 |
| En Mohd Hairul Izam bin<br>Pn Haliza bt Ariffin | Pengurus FFB Zon Kajang<br>Ketua Zon Kajang | 016-2279007 / 012-3709007<br>012-6103075 |
| En Saharuddin bin Shaari<br>Pn Wan Nor Afiza bt Abdul Aziz | Pengurus FFB Zon Kuala Selangor<br>Ketua Zon Kuala Selangor | 012-3272714<br>013-3879640 |
| En Abdul Ghani bin Bulat | Ketua Zon Shah Alam | 012-6437709 |
| Pn Raja Nazirah bt Raja Shoib | Ketua Zon Klang | 013-2062005 |
| En Zamri bin Mohd Noh | Ketua Zon Putrajaya | 016-2501884 |
| Pn Zaridah bt Md Yusof | Ketua Zon Petaling Jaya | 012-2247848 |
| Pn Rosnita bt Sarponin | Ketua Zon Bandar Baru Sg Buloh | 012-3603859 |
| En Azhar bin | Ketua Zon Tanjung Karang | 019-3489175 |
| Pn Suziana bt Hashim | Ketua Zon Puchong | 012-3118916 |
| Pn Kamaziah bt Mohd Kassim | Ketua Zon Banting | 017-3660036 |

Pihak BSN ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan pihak Tuan / Puan yang memberi sokongan yang berterusan kepada pihak BSN serta menjadi Pelanggan Setia BSN.

Pihak Pengurusan BSN juga akan memberikan servis & perkhidmatan yang terbaik bagi memastikan kerjasama bisnes antara pihak JPA & BSN akan kekal berterusan.

Sekian, terima kasih.

b.p.

**NORAINI BT HJ MOHD JOHAN**
Pengarah Negeri
SELANGOR